

MAJLIS PENUTUP KURSUS 'BASIC TRAINER COURSE' (BTC) SIRI 263/19

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4794-majlis-penutup-kursus-basic-trainer-course-btc-siri-263-19

TANJUNG BUNGAH, 29 Mac 19 - Institut Kepimpinan Pengurusan (INSKEP) Pulau Pinang telah mengadakan Majlis Penutup Kursus 'Basic Trainer Course' (BTC) Siri 263/19.

Seramai 22 orang anggota LLP dari pelbagai Cawang dan seorang penuntut kursus dari Bangladesh, SWO Muzahid telah mengikuti kursus ini. Majlis Penutup telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM.

Turut hadir Ketua Bahagian Tadbir, Mej Abd Rahim bin Ahmad TUDM, Ketua 'Training Support and Services' (TSS) Lt Ahmad Zarulhafiz bin Ahmad Zakaria TUDM dan staf INSKEP.

